

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU**  
**MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA**  
**PERSIDANGAN KETERJAMINAN DAN SEKURITI MAKANAN**  
**2023**

**BERTEMPAT DI**  
**DEWAN BESAR PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN**  
**SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PKKSSAAS)**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**16 OGOS 2023**

Terima kasih, saudara pengacara majlis.

1. YBhg. Dato' Profesor Dr Mohd. Roslan bin Sulaiman  
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia
2. YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali  
KSU Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
3. Yang Mulia Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin  
CEO AgroBank
4. YBhg. Prof. Dr. Nazamid Saari  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
5. Ketua-ketua Jabatan Agensi dibawah Kementerian  
Pertanian dan Keterjaminan Makanan
6. Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
7. Ahli Jawatankuasa Penganjur Persidangan Keterjaminan  
dan Sekuriti Makanan 2023
8. Serta Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Assalamulaikum W.B.T. dan Salam Malaysia MADANI

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat llahi, dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bertemu petang ini dalam **PERSIDANGAN KETERJAMINAN MAKANAN KEBANGSAAN 2023** yang telah pun berlangsung sejak semalam.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Universiti Putra Malaysia bersama agensi-agensi terlibat atas inisiatif menganjurkan persidangan ini.
3. Sekalung ucapan terima kasih kepada peserta yang hadir dan pembentang kertas kerja yang telah berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan bagi mengenalpasti masalah-masalah utama dan cabaran dalam mencapai hala tuju dasar pertanian dan sekuriti makanan negara.
4. Saya difahamkan seramai lebih 345 orang peserta telah hadir bersama 36 pempamer terdiri daripada industri dan agensi kerajaan yang telah mempamerkan produk masing-masing.

5. Saya percaya, banyak isu dan permasalahan telah dapat dibangkitkan, dibincangkan dan cadangan penambahbaikan dapat dicambah sepanjang persidangan ini berlangsung.
6. Ini bermakna, objektif penganjuran persidangan ini telah tercapai iaitu membincangkan isu semasa dan cabaran bagi membantu kementerian membangunkan halatuju baharu pertanian dan keterjaminan makanan negara.
7. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada UPM atas penghasilan produk inovatif, yang saya dimaklumkan bahawa semalam UPM telah melancarkan varieti padi baharu Padi Putra 1 dan Padi Putra 2, alat pengesan pintar untuk kualiti buah dan Bakul Menuai Nanas Ergonomik.
8. Saya juga difahamkan terdapat kajian berkaitan teknologi hijau iaitu fiber daun nanas yang dijadikan rangka dron, pencincang kulit durian untuk dijadikan baja serta penghasilan baja dan racun serangga organik Milagro.
9. Ini menunjukkan UPM masih merupakan universiti awam yang meneraju penyelidikan tentang pertanian negara serta

berupaya melahirkan pakar agroteknologi dalam kalangan belia.

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

10. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi fokus terhadap **4 dimensi keterjaminan makanan** merujuk kepada *Food and Agriculture Organization* (FAO) iaitu **ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampuan** yang diselarikan dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021- 2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).
11. Ini memberikan cabaran kepada Kementerian untuk memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang dan sistem makanan negara perlu diperkuuhkan supaya lebih mampan bagi persediaan menangani ancaman krisis makanan global hari ini.
12. Dalam hal ini, saya telah menggariskan 5 hala tuju dan fokus utama Kementerian mulai tahun 2023, supaya negara mempunyai sumber makanan yang lestari.

13. Pertama, memperkuatkan sektor akuakultur dengan sasaran meningkatkan hasil ikan daripada aktiviti akuakultur sehingga mencapai 60 peratus SSL.
14. Kedua, memperluas penternakan lembu dengan kaedah fidlot bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport, dan meningkatkan sasaran pengeluaran daging tempatan kepada 50 peratus SSL menjelang 2025.
15. Ketiga, memulakan usaha penanaman jagung bijian untuk mengurangkan pergantungan import sebanyak 30 peratus dalam tempoh 10 tahun ini.
16. Keempat, meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar.
17. Dan kelima, memperkuuhkan institut latihan pertanian untuk melahirkan belia berkemahiran dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta meneroka pertanian moden dan pintar bagi memastikan kelestarian keselamatan makanan terjamin.

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

18. Kerjasama semua pihak termasuk kementerian, jabatan / agensi, kerajaan negeri, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri dan rakyat amat diperlukan dalam usaha memperkuuhkan aspek keterjaminan makanan di negara ini.
19. Persidangan ini dilihat sebagai sokongan dan platform yang sesuai dalam membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mencapai hala tuju dasar pertanian dan sekuriti makanan.
20. Rangkaian kerjasama di kalangan pihak terbabit diharap dapat dijalin dengan lebih mantap hasil daripada perjumpaan dan perbincangan sepanjang persidangan ini berlangsung.
21. Pihak Kementerian, melalui Agrobank turut menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan sosial Islam seperti Zakat / Wakalah, Wakaf Tunai, Sadakah untuk dipadankan dengan geran padanan agensi kerajaan sebagai modal awalan (*Seed funding*).

22. Dari aspek bukan kewangan pula, Agrobank mendedahkan para usahawan dari golongan belia dengan pelbagai latihan soft skills, bimbingan keusahawanan yang merangkumi modul seni urus kewangan, teknik pemasaran digital, pengembangan perniagaan dan pelbagai bentuk perkhidmatan perniagaan.
23. Peserta-peserta program akan dipantau selama 6 bulan untuk memastikan program ini mencapai objektif dalam membantu mereka menjana pendapatan, mahupun meneruskan kerjaya sebagai agropreneur muda.

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

24. Saya percaya daripada sesi sumbang saran dalam persidangan ini dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam meningkatkan hasil pertanian dan memastikan keterjaminan makanan negara. Saya doakan semoga usaha-usaha yang kita laksanakan pada hari ini diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.

25. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus lumus secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan **PERSIDANGAN KETERJAMINAN MAKANAN KEBANGSAAN 2023**. Syabas dan tahniah di atas kejayaan penganjuran persidangan ini.

Dengan lafaz Bismillahi al-rahman al-rahim, saya merasmikan penutupan **PERSIDANGAN KETERJAMINAN MAKANAN KEBANGSAAN 2023**.

Sekian,

*wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.

**Disemak dan dikemaskini oleh SUA YBM KPKM  
Selasa, 15 Ogos 2023**